

29 AUG 1998

AFIFUDDIN-BANK NEGARA

PELETAKKAN JAWATAN GABENOR BNM TIDAK JEJAS USAHA PEMULIHAN, KATA AFIFUDDIN

KUALA NERANG, 29 Ogos (Bernama) -- Peletakkan jawatan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Ahmad Mohamed Don dan timbalannya Datuk Fong Weng Phak tidak menjejaskan usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Afifuddin Omar.

Peletakkan jawatan mereka tidak akan menjejaskan samasekali nilai matawang yang agak stabil sekarang ataupun pasaran saham yang berada pada paras rendah, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah pada perjumpaan dengan guru-guru agama dan pegawai pendidikan daerah Padang Terap di sini, hari ini.

"Kerajaan menerima perletakkan jawatan kedua-dua tokoh profesional itu dan kabinet akan memutuskan pengganti mereka tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata kenaikan atau kejatuhan nilai ringgit atau saham di Malaysia tidak bergantung kepada satu atau dua individu seperti Gabenor Bank Negara. Peletakkan jawatan kedua-dua tokoh bank itu adalah perkara biasa bagi pegawai kontrak dan bukan sesuatu yang luarbiasa, tambahnya.

Pengganti mereka kelak mestilah orang profesional yang dapat memahami dan mempunyai pertimbangan politik dan sosial negara dan bukan profesional yang menjalankan tanggungjawab hanya dengan berdasarkan teori dan ilmu ekonomi yang dipelajari, kata Afifuddin.

Ahmad dan Fong dikatakan mempunyai pandangan dan kaedah berbeza dengan kerajaan dalam mengendalikan kemerosotan ekonomi dan tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan menurunkan kadar faedah.

Afifuddin berkata, teori sahaja tidak dapat menentukan dasar dan arah tuju politik-ekonomi tetapi pertimbangan politik dan sosial juga perlu diambil kira.

"Prinsip dan teori kadang-kadang kalau dijalankan dengan sepenuhnya bercanggah dengan matlamat politik dan sasaran tertentu. Orang-orang yang profesional sepenuhnya kadang-kadang tidak dapat menerima dan di sini berlaku percanggahan," katanya.

"Di Malaysia orang politik yang menentukan dasar. Jika orang profesional tidak dapat menerima, terpulanglah kepada mereka menentukan kedudukan mereka," jelasnya.

Afifuddin juga menegaskan bahawa campurtangan politik dalam urusan dan perjalanan bank di negara ini adalah tidak keterlaluan. Bagaimanapun, campurtangan kerajaan juga perlu bagi membimbing bank mengikut agenda politik negara.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengenalpasti terdapat kuasa luar yang hendak merosakkan ekonomi negara dan ini sudah tentu memerlukan campurtangan kerajaan untuk menanganinya, kata beliau. -- BERNAMA

ZA JR